

DPMM cadang Bank Bumiputera diwujudkan kembali
Malaysian Insider
Sept 18 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mahu satu Bank Bumiputera ditubuhkan kembali dengan dana permulaan RM2 billion di mana RM1 billion dari dana kerajaan dan selebihnya disumbangkan dari dana institusi Melayu.

Presidennya, Datuk Syed Ali Al-Attas (gambar) berkata cadangan itu diusulkan ekoran tabung usahawan sedia ada tidak mencukupi dan bank itu kelak dapat menerima deposit bagi merancakkan pembangunan ekonomi Bumiputera.

"Dengan penubuhan bank ini kelak, kita menjangka akan dapat memberikan pinjaman lebih banyak kepada peniaga Bumiputera malah ramai kakitangan profesional bank yang sedia menyokong hasrat penubuhan ini.

"Kira-kira 100 kakitangan profesional bank sedia menyumbangkan buah fikiran selain institusi kewangan Bumiputera yang dikenal pasti akan menyumbangkan modal.

"Kita boleh menggesa agensi seperti Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk memberikan modal dan dijangka wang yang dapat dikutip sekitar RM200 billion dari agensi tersebut," katanya ketika ditemui media di Ibu Pejabat DPMM di Kuala Lumpur hari ini.

Sementara itu, DPMM turut mengumumkan untuk meninjau 10,000 hektar tanah milik UEM Land di Nusajaya, Johor supaya 30 peratus dari kawasan itu dapat dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) untuk projek perumahan Bumiputera.

Syed Ali berkata kaum Bumiputera masih kurang 1 juta unit rumah kos sederhana di mana 300,000 di Lembah Klang dan selebihnya di lokasi lain di Malaysia.

"Kami akan menjual 10 peratus dari projek perumahan ini dengan harga kos yang memperlihatkan konsep, bahan, dan reka bentuk dijana dari tenaga tempatan. 100,000 unit rumah mampu dibina melalui projek ini dan kira-kira 1,000 kontraktor, 100 jururunding dan 10,000 kerja mahir akan terlibat dalam projek ini.

"DPMM juga mensasarkan untuk membangunkan projek seperti ini di Selangor dan Kelantan dengan melibatkan penglibatan majlis daerah yang berkenaan. Kami juga memperkenalkan sistem menjual rumah yang telah siap di mana pembeli hanya membayar deposit 10 peratus dan selebihnya permohonan pinjaman apabila rumah telah siap.

"Rumah 1,000 kaki persegi itu akan dijual dengan harga RM188,000 yang jauh lebih rendah berbanding harga pasaran yang mencecah RM350,000," katanya yang membayangkan projek berkenaan akan dapat dijalankan dalam masa dua tahun. – 18 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dpmm-cadang-bank-bumiputera-diwujudkan-kembali>

